



## جابتني أقسام إسلام فيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1( 63 )

Tarikh: 6 Muharam 1447H  
2 Julai 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

### HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

|               |   |
|---------------|---|
| <b>Tarikh</b> | <b>4 Julai 2025 / 8 Muharam 1447</b>      |
| <b>Tajuk</b>  | <b>Bulan Muharam: Sejarah dan Iktibar</b> |

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO') HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Perak

s.k      Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "BULAN MUHARAM: SEJARAH DAN IKTIBAR"

4 Julai 2025 / 8 Muharam 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْ صَنِعْكُمْ وَإِيَّاهُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Hari ini ialah hari kelapan bulan Muharam; mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

## "BULAN MUHARAM: SEJARAH DAN IKTIBAR"

Firman Allah SWT, melalui ayat 36 surah al-Taubah:

﴿إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ أَثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ  
مِنْهَا أَرْبَعَةُ حُرُمَاتٍ ذَلِكَ الْدِينُ الْقِيمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ...﴾

Bermaksud: "Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan (yang telah ditetapkan) dalam kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi termasuk antaranya empat bulan yang dihormati. Itulah ketetapan agama yang lurus maka janganlah kamu menzalimi diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan Nya..."

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Muharam adalah bulan pertama menurut takwim Hijrah; salah satu dari empat bulan suci yang dilipatgandakan amal kebaikan, juga bulan yang diharamkan berperang. Muharam telah dipilih oleh Saidina Umar RA sebagai bulan pertama bagi kiraan tahun baharu umat Islam kerana pada bulan Zulhijah umat Islam menunaikan ibadah haji di Baitullah dan mendapat keampunan Ilahi. Maka Saidina Umar RA berijtihad, sebaiknya dipilih Muharam sebagai bulan pertama bagi permulaan tahun baharu Islam sebagai azam baharu untuk ummah membuka lembaran baharu dalam kehidupan yang lebih baik dan taat kepada Allah SWT.

Bulan Muharam mencatatkan kelebihan amalan dan beberapa peristiwa penting dalam sejarah Islam dan umat terdahulu, antaranya:

**Pertama:** Nabi Musa AS diselamatkan daripada Firaun pada hari Asyura (10 Muharam).

Hari Asyura memerihalkan peristiwa Firaun berhasrat menangkap dan menjatuhi hukuman terhadap Nabi Musa AS. Pada hari tersebut Firaun bersama tenteranya mengejar Nabi Musa AS dan pengikutnya sehingga mereka terperangkap di tepi Laut Merah. Dengan perintah Ilahi, Nabi Musa AS memukul laut dengan tongkatnya, lalu laut terbelah, membentuk laluan yang membolehkan Baginda dan Bani Israel menyelamatkan diri. Setelah mereka berjaya sampai ke seberang, Firaun bersama tentera yang mengejar menggunakan laluan yang sama, ditenggelamkan apabila laut kembali bertaut.

Peristiwa ini menandakan keagungan dan kekuasaan Allah serta membuktikan bahawa kezaliman dan penindasan pada akhirnya akan binasa. Kisah ini turut mengajar kita bahawa keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT menjadi asbab mendapat pertolongan Nya, walaupun dalam keadaan yang kelihatan mustahil.

Rasulullah SAW juga mengiktiraf keistimewaan hari Asyura dengan menganjurkan berpuasa sunat seperti yang diriwayatkan dalam sebuah hadis:



عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ لَمَّا قَدِمَ النَّبِيُّ ﷺ الْمَدِينَةَ وَجَدَ الْيَهُودَ  
يَصُومُونَ عَاشُورَاءَ فَسَأَلُوا عَنْ ذَلِكَ فَقَالُوا هَذَا الْيَوْمُ الَّذِي أَظْفَرَ اللَّهُ فِيهِ مُوسَى  
وَبَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى فِرْعَوْنَ وَنَحْنُ نَصُومُهُ تَعْظِيمًا لَهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ نَحْنُ أَوْلَى  
بِمُوسَى مِنْكُمْ ثُمَّ أَمَرَ بِصَوْمِهِ.

Bermaksud: Daripada Ibnu Abbas RA, beliau berkata: Ketika mana Nabi SAW sampai di Madinah, Baginda mendapati orang Yahudi berpuasa pada hari Asyura'. Lalu mereka ditanya dan mereka berkata: Ini adalah hari Allah memberi kemenangan kepada Nabi Musa dan Bani Israel ke atas Firaun, dan kami berpuasa sebagai tanda mengagungkan hari tersebut. Nabi SAW bersabda: Kami lebih layak untuk Musa berbanding kalian. Kemudian Nabi SAW memerintahkan (umat baginda) untuk turut berpuasa.

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

### Kedua: Fadilat diampunkan dosa setahun yang lalu

Seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW tentang puasa 'Asyura, maka Rasulullah SAW menjawab:

وَصِيَامُ يَوْمِ عَاشُورَاءِ، إِنِّي أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ

Bermaksud: Puasa hari Asyura (kelebihannya) aku berharap kepada Allah agar Dia dapat mengampunkan dosa setahun yang lalu. (Hadis Riwayat Muslim)

### Ketiga: Peristiwa Karbala

Satu lagi peristiwa yang wajar diambil iktibar ialah peristiwa *Karbala*, berlaku pada 10 Muharam 61 Hijrah; tercetus daripada pengkhianatan dan pertembungan politik yang berakhir dengan syahidnya cucu Rasulullah SAW, Saidina Hussain dan sebahagian ahli keluarga serta pengikutnya.



Antara pengajaran penting daripada peristiwa ini adalah kerugian yang dialami ummah akibat perpecahan dan pertelingkahan sesama sendiri, disebabkan perebutan kuasa. Konflik yang berlaku bukan sahaja mengakibatkan berlakunya pertumpahan darah dalam bulan yang diharamkan berperang, tetapi telah memecah dan melemahkan kekuatan ummah apabila perlu menghadapi musuh Islam yang sebenar.

Sejarah menunjukkan apabila ummah berpecah-belah kerana persaingan politik dan perebutan kuasa, mereka kehilangan kekuatan yang sepatutnya digunakan untuk mempertahankan agama dan membina tamadun bagi menyejahterakan bumi. Peristiwa *Karbala* menjadi bukti bahawa perselisihan sesama ummah boleh mengakibatkan penderitaan yang merugikan serta melenyapkan nilai-nilai keadilan dan kasih sayang sesama Muslim.

### **Muslimin Rahimakumullah,**

Mimbar menyenaraikan beberapa kesimpulan:

**Pertama:** Keimanan yang jitu serta keteguhan berpegang pada prinsip kebenaran akan membawa kepada kemenangan serta mendapat pertolongan Ilahi. Sifat Nabi Musa AS yang tidak tunduk malah teguh menghadapi kezaliman Firaun, mengajar kita bahawa keimanan serta prinsip berpegang pada kebenaran tidak boleh digadaikan hanya kerana kepentingan dunia, atau ketika menghadapi saat yang sukar dalam kehidupan. Di sebaliknya keteguhan iman dan prinsip yang benar akan membantu meluruskan perjalanan kehidupan sekalipun menempuh rintangan yang berat.

**Kedua:** Perpecahan dan perbalahan dalam kalangan umat Islam sangat merugikan malah boleh membawa kehancuran. Oleh itu umat Islam wajib mengutamakan perpaduan, mengurangkan perselisihan, serta menolak segala perbalahan berunsur mazhab, perbezaan politik dan dendam warisan yang boleh memecahbelahkan ummah. Hanya dengan kembali kepada nilai tauhid, keikhlasan, dan amanah bersama, ummah mampu kembali bangkit sebagai rahmat kepada seluruh alam.



**Ketiga:** Rasulullah SAW membimbing cara menyambut kejayaan dan kemenangan dalam bentuk kesyukuran kepada Allah SWT dengan memperbanyakkan amal kebaikan. Ummah dianjurkan berpuasa sunat Asyura pada 10 Muharam atau lebih afdal digandingkan puasa Asyura dengan sehari sebelum atau sehari selepasnya, iaitu pada 9 dan 10 Muharam atau pada 10 dan 11 Muharam sebagai tanda membezakan amalan umat Islam dengan amalan golongan Yahudi.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْتَّيِّنِ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَهُمْ  
وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>7</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal'alamin!** muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Berikanlah hidayah kepada kami untuk mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa yang telah berlaku agar kami tergolong dalam kalangan hamba Mu yang berakal, berjaya di dunia – bahagia di akhirat.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ**  
**عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ**  
**وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ**  
**نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.**